

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan GLYGARD
- Bagaimana GLYGARD berfungsi
- Sebelum mengambil GLYGARD
- Cara menggunakan GLYGARD
- Semasa menggunakan GLYGARD
- Kesan-kesan sampingan
- Cara Penyimpanan dan Pelupusan GLYGARD
- Maklumat Lanjut
- Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan GLYGARD

Glygard digunakan untuk mengawal kencing manis jenis II orang dewasa yang tidak dapat dikawal dengan pengurusan diet, senaman dan pengurangan berat badan

## Bagaimana GLYGARD berfungsi

Glygard adalah salah satu daripada kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil Sulfonylureas. Ia merupakan agen hipoglisemik. Gliclazide merendahkan glokusa darah dengan merangsang pelepasan insulin daripada sel-sel beta pankreas yang berfungsi.

## Sebelum mengambil Glygard

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap Gliclazide atau mana-mana bahan-bahan lain Glygard, terhadap ubat-ubatan lain dalam kumpulan yang sama (Sulfonylurea, ubat untuk menurunkan tahap gula dalam darah), terhadap ubat-ubatan lain yang berkaitan (sulphonamide, sejenis kelas antibiotik)
- Jika anda menghidap kencing manis jenis I
- Jika anda mempunyai kandungan gula di dalam air kencing (ini mungkin disebabkan oleh kerana anda mempunyai ketoasidosis) atau anda menghidap penyakit kencing manis pra-koma dan koma

- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang dan hati yang teruk.
- Jika anda mengambil miconazole (rawatan untuk jangkitan kulat)
- Jika anda masih menyusukan dengan susu ibu.

### Sebelum mula mengambil

- Ikut nasihat doktor mengenai diet dan rawatan. Ini adalah untuk mengurangkan risiko gula darah sangat rendah (hipoglsemia).

Pastikan doktor anda tahu :

- Jika anda akan menjalani pembedahan, kecederaan serius, demam atau jangkitan, kesukaran untuk makan.
- Jika anda merancang untuk mengandung atau telah mengandung
- Jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

- Pastikan anda memberitahu doktor jika anda mengambil mana-mana ubat berikut kerana penjagaan khas mungkin diperlukan
- Kesan Glygard pada kadar gula darah anda boleh diubah dengan beberapa ubat-ubatan lain.
  - Anda tidak digalakkan mengambil Glygard dengan miconazole (rawatan untuk jangkitan kulat)
  - Phenylbutazone (digunakan untuk merawat arthritis)
  - Ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat gula yang tinggi di dalam darah (contoh: insulin)
  - Penghalang beta (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi)
  - Ubat untuk merawat ulser atau dyspepsia
  - Chlorpromazine (digunakan untuk merawat gangguan sistem saraf pusat)
  - Steroid (untuk merawat beberapa keadaan termasuk asma yang teruk dan arthritis)
  - Anticoagulants digunakan untuk mengawal pembekuan darah (contoh: warfarin)

Jika anda pergi ke hospital, beritahu kakitangan perubatan bahawa anda mengambil Glygard.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau telah mengambil ubat-ubatan lain termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan GLYGARD

### Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil Glygard seperti yang disarankan oleh doktor. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti. Dos yang biasa adalah dari satu setengah hingga empat tablet. Ini bergantung kepada tindak balas kepada rawatan. Doktor akan memberitahu berapa banyak dos untuk diambil.

### Bila perlu digunakan

Glygard biasanya diambil pada hidangan utama pada hari tersebut. Apabila jumlah dos harian melebihi dua tablet, ia perlu dibahagikan kepada dua dos yang sama diambil pagi dan petang.

### Berapa lama perlu digunakan

Semua rawatan untuk penyakit kencing manis adalah untuk sepanjang hayat.

### Jika terlupa menggunakan

Adalah penting untuk mengambil ubat anda setiap hari. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa untuk mengambil dos Glygard, pengambilan dos seterusnya hendaklah pada masa yang ditetapkan. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa tadi.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak pil, hubungi doktor anda dengan segera. Tanda-tanda berlebihan dos adalah gula darah rendah (hipoglisemia) seperti dibincangkan

dalam kesan-kesan sampingan. Tanda-tanda di atas boleh dibantu dengan mengambil gula (4-6 ketulan) atau minuman manis serta merta, diikuti dengan makanan ringan.

## Semasa pengambilan Glygard

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ikut diet yang ditetapkan adalah penting untuk makan secara tetap, termasuk sarapan dan jangan meninggalkan atau lambat makan.
- Ambil ubat secara tetap
- Periksa glukosa darah anda seperti yang disyorkan oleh doktor
- Beritahu doktor gigi, ahli Farmasi dan doktor anda tentang penggunaan ubat Glygard.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Minum alkohol adalah tidak digalakkan kerana ia boleh mengubah kawalan diabetes anda.
- Glygard tidak digalakkan untuk digunakan ketika hamil. Jika anda sedang merancang untuk hamil, beritahu doktor anda supaya boleh menetapkan rawatan yang lebih sesuai untuk anda. Anda tidak boleh mengambil Glygard semasa anda sedang menyusukan susu ibu

### Perkara yang perlu diambil perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan kandungan gula di dalam darah rendah (hipoglisemia). Ini juga berlaku sekiranya:

- Anda di dalam diet
- Diet yang tidak seimbang
- Anda menjalani senaman yang berpanjangan atau berat
- anda minum alkohol
- jika anda mengambil beberapa ubat-ubatan untuk mengurangkan tahap gula di dalam darah

## Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan Glygard boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang akan mengalami masalah yang sama.

### *Gula di dalam darah rendah (hipoglisemia)*

Kesan sampingan yang selalu dialami oleh pesakit ialah gula darah rendah (hipoglisemia). Jika anda mempunyai gula darah rendah, anda mungkin mempunyai tanda-tanda berikut: sakit kepala, kelaparan, mual, muntah, keletihan, gangguan tidur, keresahan, agresif, penumpuan yang lemah, kurang peka dan tindak balas, kemurungan, kekeliruan, pertuturan atau gangguan visual, gegaran, gangguan deria, pening dan tidak berdaya.

Tanda-tanda gejala berikut juga boleh berlaku: berpeluh, kulit lekat, kebimbangan, degupan jantung cepat atau tidak teratur, tekanan darah tinggi, sakit secara tiba-tiba (angina pectoris). Dalam kebanyakan kes gejala gula darah rendah lenyap dengan cepat apabila anda mengambil beberapa bentuk gula, contohnya tablet glukosa, kiub gula, jus manis, teh manis. Oleh itu anda hendaklah sentiasa membawa beberapa bentuk gula dengan anda (tablet glukosa, kiub gula). Perlu diingatkan bahawa pemanis tiruan tidak berkesan. Sila hubungi doktor anda atau hospital terdekat jika pengambilan gula tidak membantu atau jika gejala-gejala berlaku lagi.

### *Kesan-kesan sampingan yang lain*

- Gangguan pencernaan: sakit perut, loya, muntah, sneak, cirit-birit dan sembelit. Kesan-kesan ini kurang berlaku apabila Glygard diambil dengan makanan seperti yang disyorkan.
- Masalah kulit: reaksi kulit seperti ruam, kemerahan, gatal-gatal
- Penyakit darah: pengurangan dalam bilangan sel-sel dalam darah (contohnya platelet, sel-sel darah merah dan putih), yang boleh

menyebabkan pucat, pendarahan yang berpanjangan, lebam, sakit tekak dan demam. Gejal-gejala ini biasanya berhenti apabila rawatan dihentikan.

- Penyakit hati: terdapat laporan terperinci fungsi hati tidak normal yang boleh menyebabkan kulit dan mata menjadi kuning. Jika tanda-tanda ini terdapat pada diri anda segeralah berjumpa doktor. Tanda-tanda biasanya hilang jika ubat dihentikan. Doktor anda akan menentukan sama ada untuk menghentikan rawatan anda atau tidak
- Penyakit mata: visi anda mungkin terjejas untuk masa yang singkat, terutamanya pada permulaan rawatan. Kesan ini adalah disebabkan oleh perubahan dalam tahap gula dalam darah.
- Jika mana-mana kesan sampingan didapati serius, sila beritahu kepada doktor.

**Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)**

## Cara penyimpanan dan pelupusan GLYGARD

### Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C

### Pelupusan

Sila bertanya kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat ini.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna produk

Putih, bujur, rata, *beveled* tablet dengan satu garisan terukir pada satu bahagian dan tanpa sebarang tanda di bahagian yang lain

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Gliclazide

# GLYGARD<sup>®</sup>

“Gliclazide 80 mg”

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

---

Bahan-bahan tidak aktif:

*Lactose, Povidone, Magnesium,  
Stearae, Talc, Microcrystalline  
Cellulose, Croscarmellose Sodium*

Nombor MAL

**MAL No. MAL20033670A**

## **Pengilang**

Cipla Ltd,  
Maharashtra, MIDC Patalganga,  
410 220, District Raigad,  
Mahashrasra,  
India

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Cipla Malaysia Sdn Bhd  
Suite 1101, Amcorp Tower,  
Amcorp Trade Centre,  
18 Persiaran Barat,  
46050 Petaling Jaya  
Selangor

## **Tarikh Kemaskini RiMUP**

06/08/2014